

# Ulama peneraju ummah



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kanan) semasa menyampaikan cenderahati kepada Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri (kiri). Manakala gambar kanan, Mufti Kerajaan (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i. Juga hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kanan).



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan ucaptama kertas kerja bertajuk 'Ulama Peneraju Ummah' di Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i.

## Dari muka 1

Semasa menyampaikan kata-kata aluan Pengerusi Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i yang juga PPMS, Dr. Azme bin Haji Metali berkata, PPMS akan mengorak langkah maju ke hadapan dalam menggiatkan lagi aktiviti keagamaan selaras dengan penubuhannya sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu Islam di peringkat serantau dan antarabangsa yang mempunyai jenama sebuah Universiti Islam



Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

bermazhab Syafi'i.

Tambah beliau lagi, muzakarah yang diadakan ini merupakan satu wadah kepada percambahan minda melalui penyatuan ulama dan sarjana Islam terkemuka serantau untuk membentangkan kajian yang bertemakan 'Ulama Peneraju Ummah'.

Majlis turut diisikan dengan pelancaran buku Ensiklopedia Mazhab Syafi'i Negara Brunei Darussalam. Ensiklopedia yang dijual dengan harga BND52, mengandungi empat jilid termasuk bahagian dua yang terbahagi kepada bahagian pertama dan kedua yang disempurnakan pelancarannya oleh tetamu kehormat majlis.

Selepas perasmian dilancarkan, laungan Takbir dikumandangkan oleh mahasiswa UNISSA.

Sesi penyampaian cenderahati dan sijil kepada para pembentang yang disempurnakan oleh tetamu kehormat diikuti dengan sesi bergambar ramai mengakhiri majlis tersebut.

Turut hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar

dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah dan Mantan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Bakri.

Muzakarah diteruskan lagi dengan pembentangan sebelah pagi bertajuk 'Ulama dan Sistem Perundungan Islam: Ke Arah Keamanan dan Keadilan' yang disampaikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, diikuti dengan pembentangan kedua bertajuk 'Ulama dan Dakwah: Ke Arah Menegakkan Kebenaran dan Memerangi Kebatilan' disampaikan oleh Mufti Besar Masjid Agung Islamic Centre Pasir Pengaraian Kabupaten Rokan Hulu, Riau, Indonesia, Yang Berbahagia Dr. H. Mawardi Muhammad Saleh.

Sesi pagi tersebut diakhiri dengan pembentangan daripada Mufti Negeri Sarawak, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dengan tajuk 'Ulama dan Aqidah: Ke Arah Pengukuhan Aqidah Ahli Sunnah Wa Al-Jama'ah'.

Manakala pembentangan pada sebelah petang menghuraikan mengenai 'Ulama dan Ekonomi Islam: Ke Arah Pengukuhan Ekonomi Umat Islam' daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Singapura, Yang Berbahagia Ustaz Mohammad Yusri Yubhi bin Md Yusoff, diikuti dengan pembentangan daripada Ketua Jabatan Pendidikan dan Dakwah selaku Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Yang Berbahagia Dr. Abdullah Abu Bakar dengan tajuk 'Ulama dan Pendidikan Islam: Ke arah Generasi Berilmu'.

BUKU Ensiklopedia Mazhab Shafii' Jilid 1-4 dijual dengan harga BND52.

## BIBD - bank pilihan pertama Brunei



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (kiri) ketika menyaksikan Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Mubashar Khokhar (tengah) menyampaikan anugerah kepada Ketua Perbankan Korporat BIBD, Koh Swam Sing (kanan) yang telah berkhidmat selama 35 tahun di BIBD.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 13 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), institusi kewangan Islam terbesar di negara ini, telah berjaya mengumpulkan saiz aset lebih dari BND10 bilion, satu angka yang setanding kalangan bank Islam terbaik di rantau ini.

Bank juga mencatatkan rekod keuntungan sebanyak BND147.9 juta pada tahun 2018.

Statistik tersebut dikongsikan oleh Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar semasa makan malam tahunan yang dihoskan oleh BIBD untuk kakitangannya.

Majlis tersebut adalah untuk meraikan kejayaan BIBD sebagai bank pilihan pertama di Brunei.

Hadir pada majlis yang berlangsung di The Empire

Hotel & Country Club ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin selaku Timbalan Pengerer Badan Penasihat Syariah BIBD.

Mubashar Khokhar dalam ucapannya juga mengetahahkan pencapaian bank dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan mengakui sumbangan setiap orang yang terlibat dalam kejayaannya.

Tinjauan lapangan kerja dalam bank mendahului bawaha lebih dari 83 peratus stafnya gembira dan bangga menjadi pekerja bank dengan lebih dari 74 peratus mengatakan bawaha BIBD adalah tempat yang bagus untuk bekerja.

Ke muka 11